

KM JAS 40/2024



**SIARAN MEDIA
JABATAN ALAM SEKITAR**

**PENGUATKUASAAN KE ATAS PREMIS BEROPERASI DI TELUK GONG
PELABUHAN KLANG**

PUTRAJAYA – Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menjalankan operasi penguatkuasaan dan pemantauan susulan terdapatnya aduan terhadap premis-premis yang menjalankan aktiviti kitar semula plastik dan kitar semula tayar terpakai di kawasan Teluk Gong Pelabuhan Klang,

Berdasarkan rekod Jabatan, terdapat **23 buah premis** menjalankan aktiviti kitar semula plastik dan kitar semula tayar terpakai di kawasan Teluk Gong yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Daripada jumlah tersebut, tiga (3) buah premis didapati beroperasi secara haram. Sehingga 15 September 2024, JAS telah menjalankan pemeriksaan ke atas semua premis di atas melalui pelaksanaan program penguatkuasaan tahunan dan Ops Gempur.

Tindakan yang telah diambil oleh Jabatan Alam Sekitar susulan aduan yang diterima dan penguatkuasaan ke atas premis-premis tersebut adalah:

- i) Pengeluaran 5 Notis Arahan ke atas premis bagi mengambil tindakan penambahbaikan terutamanya melibatkan pengurusan buangan terjadual, notifikasi berkaitan efluen atau sistem kawalan pencemaran;

- ii) Lima (5) Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) di bawah Seksyen 38(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah dikenakan;
- iii) Satu (1) kertas siasatan bagi tujuan pendakwaan di mahkamah telah dibuka terhadap premis yang diadu dan menyebabkan pencemaran di kawasan Teluk Gong, Klang;
- iv) Pemantauan menggunakan dron di kawasan berhampiran kejadian; dan
- v) Melaksanakan operasi bersepadu bersama-sama agensi berkaitan termasuk Majlis Bandaraya Diraja Klang bagi mempertingkatkan penguatkuasaan ke atas premis-premis yang disyaki atau berpotensi menyebabkan pencemaran alam sekitar.

Semua pihak industri adalah diingatkan bahawa tindakan tegas di bawah AKAS 1974 akan dikenakan ke atas mana-mana premis yang melakukan pencemaran alam sekitar. AKAS 1974 yang telah dipinda dan mula berkuatkuasa pada 7 Julai 2024 telah memberi keutamaan kepada pindaan hukuman, denda dan penalti di mana melibatkan julat kadar denda antara RM5,000 hingga RM10 juta, selain penjara mandatori tidak melebihi lima tahun. Selain itu, kadar kompaun juga ditingkatkan daripada maksimum RM2,000 kepada tidak melebihi 50 peratus daripada denda maksimum kesalahan berkaitan.

JAS komited dalam menangani sebarang isu berhubung pencemaran dan menyeru orang awam untuk melaporkan sebarang aktiviti mencemarkan alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727 yang beroperasi 24 jam sehari atau e-mel ke aduan_k@doe.gov.my melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>.

-TAMAT-

DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR
Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia
19 SEPTEMBER 2024